

KEDUDUKAN TARJIH DALAM FATWA SEMASA DI MALAYSIA DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

THE POSITION OF TARJIH IN CONTEMPORARY FATWAS IN MALAYSIA FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID SHARIAH

Nik Faisal Nik Ismail^{1*}

Ahmad Ismail²

Atif Che Adnan³

Ahmad Akmal Wan Muhayudin⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia
(E-mail: nikkfaisal@kuips.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia
(E-mail: ahmadismail@kuips.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia
(E-mail: atifadnan@kuips.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia
(E-mail: ahmadakmal@unisiraj.edu.my)

*Corresponding author: nikkfaisal@kuips.edu.my

Article history

Received date : 18-8-2025

Revised date : 19-8-2025

Accepted date : 14-10-2025

Published date : 15-10-2025

To cite this document:

Nik Ismail, N. F., Ismail, A., Che Adnan, A., & Wan Muhayudin, A. A. (2025). Kedudukan tarjih dalam fatwa semasa di Malaysia dari perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 1075 -1093.

Abstrak: Artikel ini membincangkan kedudukan tarjih dalam pengeluhan fatwa semasa di Malaysia dari perspektif Maqasid Syariah. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka keperluan dan kepentingan pendekatan tarjih dan kaitannya dengan Maqasid Syariah dalam memastikan sesuatu fatwa yang dikeluarkan lebih sesuai dengan keadaan semasa dan keperluan masyarakat moden. Kajian ini berbentuk kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan analisis kandungan terhadap sumber-sumber fiqh klasik, fatwa semasa, dan pandangan ulama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan tarjih mempunyai kedudukan yang sangat signifikan dalam pengeluhan fatwa semasa di mana ia mampu memberikan penyelesaian yang lebih fleksibel dan relevan dengan realiti kontemporari, dengan memilih dalil yang lebih kuat dan hukum yang lebih sesuai untuk diamalkan. Hasil kajian juga mendapati terdapat pelbagai prinsip tarjih telah diguna pakai dalam fatwa semasa di Malaysia seperti aspek kekuatan dalil, implikasi hukum, keperluan umum dan kemudahan. Kajian mencadangkan agar institusi fatwa terus mengamalkan pendekatan tarjih secara kolektif dan tepat bagi memastikan fatwa-fatwa yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan masyarakat dalam ruang lingkup yang lebih luas bagi memastikan tercapainya kehendak syarak.

Kata kunci: Tarjih, Fatwa Semasa, Maqasid Syariah

Abstract: *This article discusses the position of tarjih in the issuance of contemporary fatwas in Malaysia from the perspective of Maqasid al-Shariah. The aim of this study is to explore the necessity and importance of the tarjih approach and its relation to Maqasid al-Shariah in ensuring that fatwas issued are more aligned with current circumstances and the needs of modern society. This study employs a qualitative approach through library research and content analysis of classical fiqh sources, contemporary fatwas, and scholarly opinions. The findings indicate that the tarjih approach holds a highly significant position in the issuance of contemporary fatwas, as it provides more flexible and relevant solutions to contemporary realities by selecting stronger evidence and rulings that are more appropriate for practice. The results also reveal that various tarjih principles have been applied in contemporary fatwas in Malaysia, such as the strength of evidence, legal implications, public necessity, and ease of implementation. The study recommends that fatwa institutions continue to adopt the tarjih approach in a collective and precise manner to ensure that fatwas issued can effectively address the needs of society within a broader framework, thereby fulfilling the objectives of the Shariah..*

Keywords: *Tarjih, Contemporary Fatwas, Maqasid al-Shariah*

Pengenalan

Risalah Islam datang sebagai risalah terakhir daripada Allah SWT untuk seluruh umat manusia yang terkandung di dalam al-Quran merangkumi pelbagai perundangan dan hukum yang kemudiannya dijelas dan diperincikan oleh sunah Nabi SAW untuk membentuk satu sistem yang kukuh sebagai panduan bagi manusia sejagat dalam segala aspek kehidupan. Setelah wafatnya Baginda SAW, para ulama telah memikul amanah untuk menyampaikan risalah Islam dengan penuh kebijaksanaan dan ilmu. Apabila semakin ramai penganut Islam dan semakin jauh jarak masa dari zaman kenabian dan generasi awal umat Islam, hal ini menyebabkan semakin meningkat keperluan terhadap penjelasan dan pertanyaan berkaitan hukum-hukum syarak. Tambahan pula, munculnya pelbagai isu dan peristiwa baru yang belum pernah berlaku seterusnya memerlukan penjelasan tuntas dari perspektif syariat. Keadaan ini telah menjadikan bidang kefatwaan menjadi sangat penting dan kritikal. Al-Nawawi (1408H) pernah menjelaskan bahawa bidang kefatwaan adalah tugas yang sangat berbahaya, mempunyai impak yang besar dan banyak kelebihannya kerana seorang mufti adalah pewaris para nabi yang menjalankan tugas fardu kifayah dan dalam masa yang sama dia juga terdedah kepada pelbagai kesilapan. Oleh sebab itu, dikatakan bahawa mufti adalah orang yang menandatangani bagi pihak Allah SWT.

Di Malaysia, negeri-negeri mempunyai bidang kuasa dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa. Hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa dianggap sebagai pandangan rasmi kerajaan terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan agama Islam. Ini disebabkan Jawatankuasa Fatwa telah ditubuhkan secara rasmi di bawah peruntukan Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri (JAKIM, 2017). Justeru, fatwa merupakan instrumen penting dan berautortiti dalam memberikan panduan kepada umat Islam dalam kehidupan seharian. Fatwa biasanya dikeluarkan oleh mufti atau badan agama berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Salah satu kaedah yang digunakan dalam mengeluarkan fatwa adalah tarjih, iaitu proses memilih pandangan atau dalil yang paling kuat di antara beberapa pendapat ulama. Tarjih memainkan peranan penting dalam proses pengeluaran fatwa, terutama apabila terdapat pelbagai pandangan dari mazhab-mazhab yang berbeza. Dalam dunia Islam masa kini, terdapat empat mazhab dominan yang menjadi rujukan

utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hambali. Setiap mazhab mempunyai metode dan pendekatan yang berbeza dalam memahami dan menerapkan syariat. Kadangkala, dalam suatu isu tertentu, terdapat lebih daripada satu pandangan yang sah. Di sinilah konsep *tarjih* digunakan untuk memilih pendapat yang dianggap lebih kuat. Sumber hukum Islam utama seperti al-Quran dan Sunah adalah tetap, tetapi tafsiran terhadapnya boleh berbeza bergantung kepada pendekatan ulama. Justeru, mufti atau ahli fiqh yang terlibat dalam proses mengeluarkan fatwa akan menggunakan kaedah *tarjih* untuk menilai hujah-hujah dari pelbagai ulama. Mereka akan memilih pandangan yang paling relevan dan sesuai dengan keadaan semasa masyarakat.

Kesimpulannya, kajian ini menekankan kepentingan memahami pendekatan *tarjih* dan keperluan untuk mengaplikasikannya dalam fatwa semasa serta menegaskan pentingnya mengembangkan kajian-kajian berkaitan dengan bidang ini untuk menghadapi isu-isu semasa yang semakin kompleks.

Permasalahan Kajian

Dalam konteks pengeluaran fatwa semasa di Malaysia, pelaksanaan kaedah *tarjih* sering menjadi cabaran utama kepada institusi fatwa kerana ia melibatkan proses pemilihan antara pelbagai pandangan ulama dan mazhab yang masing-masing mempunyai kekuatan hujah tersendiri. Walaupun *tarjih* bertujuan memilih pandangan yang paling kuat berdasarkan dalil dan *masalahah*, hakikatnya pelaksanaannya tidak terlepas daripada pengaruh konteks setempat, enakmen pentadbiran agama Islam negeri, serta pertimbangan sosial dan politik semasa. Keadaan ini menimbulkan persoalan sejauh mana keputusan *tarjih* yang diambil benar-benar berpaksikan kepada prinsip Maqasid Shariah dalam memastikan keadilan, kemaslahatan, dan kesejahteraan umat Islam. Tambahan pula, wujud perbezaan pendekatan antara jawatankuasa fatwa negeri-negeri dalam menilai kekuatan dalil dan relevansi sesuatu pandangan. Situasi ini menunjukkan keperluan untuk meneliti kedudukan dan peranan *tarjih* dalam proses pengeluaran fatwa semasa di Malaysia bagi menjelaskan aspek-aspek pentarjihan yang telah diguna pakai dalam sesuatu fatwa yang telah dikeluarkan berlandaskan Maqasid Shariah.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian berkaitan fatwa di Malaysia adalah satu skop kajian yang telah banyak dikaji oleh ahli akademik daripada sudut pandang berbeza, antaranya ialah kajian berkaitan pengurusan fatwa di Malaysia berjudul Pengurusan Fatwa Dalam Krisis Di Malaysia: Strategi Dan Cabaran Semasa Pandemik Covid-19 (2025) oleh Muhammad Zaki Ramle et al., bertujuan menganalisis strategi dan kaedah yang digunakan oleh institusi fatwa dalam menyebarkan maklumat fatwa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan fasa pandemik COVID-19. Temu bual telah dijalankan bersama beberapa informan daripada Jabatan Mufti Selangor, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dan Jabatan Mufti Perak bagi mendapatkan maklumat tentang strategi yang dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman, penerimaan, dan kepatuhan masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan. Kajian mendapati bahawa institusi fatwa telah menyesuaikan pelbagai strategi bagi mengoptimalkan penyebaran fatwa, termasuk mengeluarkan fatwa berkaitan COVID-19, memanfaatkan platform digital dan media sosial, menerbitkan penulisan ilmiah, serta menyampaikan mesej melalui khutbah Jumaat. Kajian lain berjudul Kepentingan Pewartaan Fatwa Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis (2024) oleh Saifuddin, S et al., bertujuan untuk mengenal pasti peranan fatwa sebagai instrumen dalam penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah di Malaysia serta kepentingan pewartaannya seterusnya menganalisis aspek perundangan dan kes-kes yang telah diputuskan. Kajian menyimpulkan bahawa fatwa memainkan peranan yang

signifikan dan pewartaannya adalah perlu bagi membolehkan ia dijadikan rujukan yang sah kepada undang-undang. Fatwa yang tidak diwartakan membuka ruang kepada kemungkinan berlakunya pelanggaran dan ketidakpatuhan yang tidak dapat diambil tindakan, sekali gus menjejaskan perannya dalam penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah di negara ini. Terdapat juga kajian oleh MHS, Mohd et al., berjudul *Khilaf Fiqhi Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal (2021)* bertujuan untuk menjelaskan sejarah berlakunya *khilaf fiqhi*, punca *khilaf fiqhi* dalam sejarah perkembangan *fiqh* Islam dan juga Malaysia serta kefahaman yang perlu di berikan penekan oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam mendepani isi *khilaf fiqhi*.

Kajian yang mengaitkan fatwa dengan *masalah* pula antaranya ialah kajian berjudul *Penentuan Al-Awlawiyyāt Masalah Dan Mafsadah Dalam Fatwa Perubatan Di Malaysia (2024)* oleh Mazuki, S. A., Abdullah, M. S., & Mustafa, M. F.. bertujuan untuk meneliti kaedah penentuan keutamaan dalam membuat perbandingan antara *masalah* (kemaslahatan) dan *mafsadah* (kemudaratan) dalam fatwa perubatan di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada beberapa isu perubatan terpilih yang dianggap sesuai. Hasil kajian menunjukkan bahawa kefahaman yang jelas terhadap penentuan hukum berdasarkan situasi semasa merupakan perkara penting yang perlu dikaji dan dibangunkan kaedahnya supaya dapat diaplikasikan dengan tepat serta bertepatan dengan *maqāsid al-syarī'ah* apabila sesuatu permasalahan berlaku. Seterusnya, kajian oleh Abu Bakar, M., Abdul Rahim, A. K., & Ismail, C. Z. (2021) berjudul *The Application Of Masalah In Islamic Finance And Banking Products & Fatwa Resolutions In Malaysia* yang dijalankan bagi menganalisis penerapan masalah dalam kewangan dan perbankan Islam serta dalam resolusi fatwa pada masa kini. Dapatan kajian mendapati bahawa konsep masalah dilaksanakan terutamanya dalam konteks produk kewangan dan perbankan Islam serta resolusi fatwa di Malaysia. Kajian lain berkaitan Pendekatan Masalah dalam Pempfatwaan di Malaysia: Kajian terhadap Fatwa Terpilih (2019) oleh Ahmad Akram Mahmad Robbi, Naimah Mohamad Nasir dan Irwan Mohd Subri yang diterbitkan oleh *Journal of Fatwa Management and Research* bagi mengenal pasti perkaitan masalah dan fatwa dalam beberapa fatwa. Hasil kajian mendapati bahawa masalah merupakan kayu ukur biasa bagi pengeluaran fatwa, khususnya terhadap sampel fatwa digunakan.

Kajian fatwa berkaitan Maqasid Syariah pula antaranya ialah Analisis Maqāsid Syarī'ah Terhadap Penentuan Fatwa Berkaitan Alkohol dalam Pemakanan di Malaysia (2025) oleh Nor Musfirah Mohamad, Basri Ibrahim dan Fathullah Asni yang menyimpulkan bahawa jawatankuasa fatwa di Malaysia telah mengambil kira pertimbangan maqāsid syarī'ah dalam memutuskan fatwa berkaitan alkohol dalam makanan dan minuman, walaupun jawapan atau keputusan fatwa tersebut ringkas tanpa penjelasan lanjut seperti yang terdapat dalam himpunan fatwa. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa maqāsid syarī'ah dalam penentuan fatwa berkaitan alkohol dibahagikan kepada lima prinsip utama, iaitu *ḥifẓ al-nafs* (memelihara nyawa), *ḥifẓ al-'aql* (memelihara akal), *ḥifẓ al-dīn* (memelihara agama), *ḥifẓ al-māl* (memelihara harta) dan *ḥifẓ al-murū'ah* (memelihara maruah). Kajian lain pula berjudul *Penggunaan Maqāsid Al-Syarī'ah Dalam Fatwa Muamalat Di Malaysia: Kajian Literatur* oleh Nora'inan & Buang (2021) yang mendapati bahawa penggunaan Maqasid al-Shariah telah dibincangkan dalam pelbagai bahasa, aspek, dan aplikasi. Namun, tiada kajian yang pernah dijalankan berkaitan fatwa mengenai transaksi Islam di Malaysia.

Kajian berkaitan *tarjih* pula antaranya ialah kajian oleh Mohd Farouq & Safwan Yunos (2023) *Aplikasi Qa'idah Al-Maqasid "Al-Tarjih Baina Al- Masalih" Dalam Pandangan Hukum*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan: Analisis Terhadap Isu Perubatan bertujuan meneroka *qa'idah al-maqasid* yang diguna pakai dalam perbahasan pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya enam *qa'idah al-maqasid* yang dikenal pasti sesuai dengan pandangan hukum isu perubatan. Hal ini membuktikan bahawa pandangan hukum MJFMK yang dikeluarkan oleh para mufti dan ilmuwan di Malaysia adalah selari dengan kehendak *maqasid al-shariah*.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, sememangnya terdapat banyak kajian mengenai fatwa di Malaysia telah dijalankan daripada pelbagai sudut seperti aspek pengurusan dan strategi penyebaran fatwa, pewartaan fatwa dalam konteks perundangan, *khilaf fiqhi* dalam institusi fatwa, serta aplikasi *Maqasid Syariah* dalam bidang tertentu seperti muamalat dan perubatan. Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti secara khusus kedudukan *tarjih* dan aspek pentarjihan berdasarkan *Maqasid Syariah* yang digunakan dalam proses pengeluaran fatwa semasa di Malaysia. Kajian-kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek teknikal, pelaksanaan, atau tema fatwa tertentu seperti kesihatan, perundangan dan sebagainya, tanpa memperincikan bagaimana prinsip *tarjih* telah diaplikasikan oleh institusi fatwa dalam menilai pelbagai pandangan hukum dengan mengambil kira *Maqasid Syariah* sebagai kerangka penentu. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kekurangan tersebut dengan meneliti kedudukan *tarjih* dan aspek pentarjihan dalam proses pengeluaran fatwa semasa, serta menganalisis sejauh mana ia berpaksikan *Maqasid Syariah*.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif berdasarkan kerangka kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Pengumpulan data adalah dengan merujuk kepada kitab klasik, keputusan muzakarah serta fatwa-fatwa rasmi kebangsaan dan negeri-negeri di Malaysia yang diperolehi melalui kertas kerja dan laman sesawang rasmi JAKIM, majlis agama Islam dan jabatan mufti negeri-negeri terpilih. Data-data yang dikumpulkan dianalisis berdasarkan kaedah analisis tematik dan dihuraikan dengan menggunakan metode deduktif dan deskriptif bagi mendapatkan natijah yang sesuai dan selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini akan dibincangkan melalui beberapa subtopik utama yang saling berkaitan. Perbincangan dimulakan dengan meneliti konsep fatwa dalam Islam sebagai asas kefahaman terhadap kedudukan dan fungsi fatwa. Seterusnya, ia diteruskan dengan pendekatan *tarjih* dalam penentuan hukum syarak, sebelum mengupas lebih lanjut tentang prinsip pentarjihan dalam fatwa semasa di Malaysia. Perbincangan turut menekankan keperluan *tarjih* dalam fatwa semasa sebagai tuntutan realiti kontemporari, dan akhirnya menghubungkannya dengan *maqasid syariah* bagi menunjukkan kesepadanan antara proses pentarjihan dan objektif syariat Islam.

Konsep Fatwa Dalam Islam

Fatwa berasal dari istilah Arab "فتوى" (*fatwā*) atau "فتيا" (*futya*), yang secara etimologi bermaksud jawapan atau penjelasan kepada masalah. Dari sudut istilah pula ia digunakan untuk merujuk kepada keputusan atau pendapat hukum yang dikeluarkan oleh seorang mufti mengenai isu-isu yang berkaitan dengan syariah (Ibn Manzur, 1414h). Fatwa berfungsi sebagai panduan bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian, terutama dalam situasi yang tidak jelas atau baru yang tidak secara langsung diatur dalam Al-Quran atau Sunnah. Menurut al-Qarafi (1995), elemen utama yang membezakan fatwa dan keputusan hakim adalah fatwa

adalah pengkhabaran tentang hukum dan tidak mempunyai kekuatan undang-undang manakala keputusan hakim mengandungi kekuatan undang-undang. Menurut Ismail (2023), secara istilah fatwa dapat ditakrifkan sebagai penerangan mengenai hukum syarak yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah, dan ia bersifat anjal, yang bermaksud ia boleh berubah mengikut konteks masa, tempat, dan situasi tertentu.

Fatwa pada zaman kini dianggap sebagai salah satu sumber perundangan Islam yang penting, terutama di negara-negara seperti Malaysia. Dalam konteks ini, fatwa diiktiraf sebagai rujukan dalam mahkamah syariah dan sering digunakan untuk menyelesaikan pertikaian hukum. Salleh et al. (2016) menekankan bahawa fatwa menjadi salah satu sumber yang diambil kira oleh mahkamah syariah dalam membuat keputusan, menunjukkan betapa pentingnya kedudukan fatwa dalam sistem perundangan Islam dan sedikit sebanyak menunjukkan perubahan fungsi fatwa pada zaman dahulu dan pada zaman sekarang. Kajian Yusof & Wook (2018) pula turut membuktikan bahawa mahkamah sivil turut merujuk kepada fatwa-fatwa samada yang diwartakan atau tidak diwartakan jika timbul persoalan berkaitan dengan hukum.

Lebih lanjut, fatwa bukan sahaja berfungsi untuk menjawab pertanyaan individu tetapi juga untuk menangani isu-isu sosial yang lebih luas. Rahman et al. (2018) menyatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh ulama sering kali berlandaskan kepada mazhab tertentu, seperti Mazhab Syafi'i di Malaysia, dan ini menunjukkan keterikatan fatwa kepada tradisi dan konteks tertentu dalam masyarakat. Oleh itu, fatwa bukan sahaja mencerminkan pandangan individu atau badan berautoriti terhadap sesuatu isu, tetapi juga norma dan nilai yang berlaku dalam masyarakat Islam setempat.

Dari sudut proses pengeluaran fatwa, terdapat metodologi yang digunakan oleh badan fatwa untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil adalah berdasarkan penelitian yang teliti dan relevan dengan isu semasa. Shah dan Rahman (2018) menegaskan bahawa kaedah penyelidikan moden perlu diterapkan dalam pengeluaran fatwa untuk memastikan bahawa fatwa yang dikeluarkan adalah tepat dan sesuai dengan realiti masyarakat. Ini menunjukkan bahawa fatwa bukan sahaja merupakan hasil dari pengetahuan agama tetapi juga memerlukan pendekatan yang sistematik dan berasaskan bukti.

Jelasnya, fatwa memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam, memberikan panduan dan penyelesaian kepada pelbagai isu yang dihadapi. Dengan sifatnya yang anjal dan relevan, fatwa dapat membantu umat Islam menavigasi cabaran moden sambil tetap berpegang kepada prinsip-prinsip umum syariah.

Dalam konteks pengurusan fatwa pula, terdapat keperluan untuk meningkatkan penyelarasan dan kerjasama antara pelbagai jabatan dan institusi yang terlibat dalam pengeluaran fatwa. Ini termasuk usaha untuk memperbaiki sistem pengurusan fatwa, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai fatwa, serta meluaskan kefahaman masyarakat mengenai fatwa (Mohamad & Mamat, 2018). Dengan adanya kerjasama yang baik, proses pengeluaran fatwa dapat berjalan dengan lebih lancar dan efisien, sekaligus meningkatkan kredibiliti fatwa yang dikeluarkan.

Secara keseluruhan, mengeluarkan fatwa dalam Islam adalah suatu proses yang kompleks dan memerlukan pertimbangan dan profesionalisme yang tinggi. Mufti perlu memastikan bahawa fatwa yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada sumber yang sahih, metodologi yang tepat, dan mempertimbangkan konteks sosial dan budaya masyarakat. Dengan mengamalkan prinsip-prinsip etika yang jelas, mufti dapat memberikan panduan yang bermanfaat dan relevan kepada

masyarakat, sekaligus meningkatkan kredibiliti dan keberkesanan fatwa dalam menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi oleh umat Islam.

Pendekatan Tarjih Dalam Penentuan Hukum Syarak.

Tarjih dari sudut bahasa bermaksud kecenderungan terhadap sesuatu perkara dan menjadikannya mengatasi yang lain. Dikatakan arjaha al-mizān bermaksud memberatkan sesuatu sehingga ia menjadi condong (Ibn Manzūr, 1414H; al-Fārabi, 1987; al-Zabādi, 2001). Menurut al-Sarkhasi (t.t) perkataan tarjih dari segi bahasa ialah menzahirkan kelebihan yang ada pada salah satu sudut daripada sesuatu perkara yang seimbang. Ia merujuk kepada persamaan yang menyebabkan berlakunya pertembungan, kemudian terzahirnya kelebihan pada salah satu sudut daripada yang lain.

Dari sudut istilah pula, terdapat beberapa definisi tarjih yang telah dinukilkan oleh para ulama antaranya ialah al-Rāzi (1997) yang mentakrifkannya sebagai satu bentuk perbuatan menguatkan satu jalan berbanding yang lain supaya dapat diketahui mana yang lebih kuat, untuk diamalkannya dan ditinggalkan yang lain. Menurut al-Subki (2003) tarjih adalah menguatkan salah satu daripada dua jalan. Al-Armawi (1994) pula menjelaskan bahawa ia merujuk kepada satu bentuk proses menguatkan salah satu daripada dua dalil untuk diamalkan yang dalil lebih kuat. Definisi yang hampir sama juga telah dinyatakan oleh al-Baidāwi (2006) dalam al-Minhāj dan al-Isnawi (1999) dalam Nihāyat al-Sūl, al-Jārbardi (t.t) dalam al-Sirāj.

Daripada definisi-definisi tersebut dapat disimpulkan bahawa tarjih adalah satu proses membuat penilaian, pemilihan dan penentuan antara dua atau lebih hukum dalam situasi wujudnya pertembungan antara hukum tersebut dengan memberikan keutamaan kepada yang lebih kuat atau lebih meyakinkan berdasarkan dalil-dalil yang lebih kukuh dan autentik.

Hukum Beramal Dengan Dalil Yang Rajih.

Menurut al-Hafnāwi (1987) para ulama telah berbeza pendapat berkaitan hukum beramal dengan dalil yang rājih (kuat) seperti berikut:

Pendapat Pertama: Hukum beramal dengan dalil yang rājih adalah wajib sama ada al-rajhān (kekuatan sesuatu pendapat atau dalil) itu secara qat'i (pasti) atau zanni (sangkaan). Ini merupakan pendapat majoriti ulama. Di antara sandaran hujah pendapat ini adalah seperti berikut;

i. Perbuatan para sahabat RA dalam beramal dengan dalil yang kuat. Contohnya, kesepakatan mereka berkenaan hukum orang yang berpuasa dalam keadaan berjunub. Dalam kes ini terdapat dua hadis yang bertentangan antara satu sama lain iaitu;

Pertama adalah hadis riwayat daripada Aisyah RA dan Ummu Salamah bahawa Nabi SAW pernah bangun pada waktu pagi dalam keadaan berjunub dalam keadaan baginda tetap meneruskan puasa pada hari tersebut (Bukhari, No. Hadis 1925; Muslim, No. Hadis 1109).

Kedua adalah hadis riwayat daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW pernah bersabda,

مَنْ أَصْبَحَ وَهُوَ جُنُبٌ فَلْيُفِطِرْ

Maksudnya: “Sesiapa yang bangun pada waktu pagi dalam keadaan berjunub, maka tiada puasa baginya” (HR Ibn Majah No. Hadis 1702).

Dalam kes di atas, al-Hafnāwi (1987) menjelaskan perbuatan para sahabat RA telah mendahulukan hadis yang pertama iaitu riwayat Aisyah RA kerana beliau dianggap lebih mengetahui hal ehwal baginda Nabi SAW atas kapasiti beliau sebagai isteri baginda. Ini menunjukkan bahawa sekiranya beramal dengan dalil yang rājih tidak wajib, nescaya para sahabat RA tidak akan mendahulukan hadis riwayat Aisyah RA berbanding hadis riwayat Abu Hurairah RA.

ii. Sekiranya tidak diamalkan pendapat atau dalil yang kuat, ia akan melazimi beramal dengan pendapat atau dalil yang marjuh (lemah) sedangkan memilih sesuatu dalil yang lemah ke atas sesuatu dalil yang kuat adalah ditegah dari sudut akal.

Pendapat Kedua: Golongan yang menolak pentarjihan dalil. Menurut pendapat ini apabila berlaku kontradiksi dalil-dalil, maka wujudnya hak untuk memilih atau *tawaqquf* (ditangguhkan pengamalan) sahaja. Antara sandaran hujah pendapat ini seperti berikut;

i. Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr 59:2:

فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ

Maksudnya: “Maka ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.”

Menurut golongan ini, perintah supaya mengambil pengajaran yang terkandung di dalam ayat ini adalah secara umum tanpa dinyatakan sebarang perincian. Oleh itu tidak ada sebarang petunjuk yang menunjukkan hukum wajib beramal dengan tarjih. Walau bagaimana pun, hujah ini telah ditolak oleh pendapat majoriti ulama kerana ayat ini tidak boleh dijadikan hujah untuk menolak kewajipan beramal dengan dalil yang rajih. Ia sebenarnya mengandungi perintah supaya mengkaji dan mengambil pengajaran secara umum.

ii. Sebuah hadis Marfu’ ,

نحن نحكم بالظاهر، والله يتولى السرائر

Maksudnya: “Kita berhukum dengan yang zahir, Allah yang maha mengetahui yang tersembunyi.”

Menurut golongan ini, dalil yang marjuh adalah sesuatu yang zahir, maka harus beramal dengannya (al-Hafnāwi, 1987).

Walaupun bagaimana pun, pendapat majoriti ulama telah menolak hujah ini kerana hadis ini berstatus la aṣl lahu (tidak ditemui sumbernya) (al-Syaukāni, 1999). Seandainya kita menerima hadis ini kerana maknanya yang tidak bertentangan dengan sebuah hadis lain yang sahih riwayat Muslim (No. Hadis 1713) bermaksud : “Sesungguhnya aku menjatuhkan hukuman berdasarkan apa yang aku dengar (sepanjang perbicaraan sesuatu kes)”. Sebaliknya, sesuatu yang zahir adalah merujuk kepada sesuatu perkara yang telah mengatasi yang lain daripada dua perkara yang bertentangan, kerana itu sesuatu yang *marjuh* tidak boleh lagi dianggap zahir apabila ia jelas bersalahan dengan sesuatu yang *arjah* (lebih kuat).

Prinsip Pentarjihan Dalam Fatwa Semasa Di Malaysia

Menurut al-Qaradhawi (1994) dalam melakukan pentarjihan terhadap pendapat-pendapat yang terdapat dalam perbendaharaan ilmu fiqh, beberapa perkara boleh dijadikan neraca pertimbangan supaya pentarjihan tersebut benar-benar menepati kehendak syarak. Antaranya seperti kekuatan dalil, kesesuaian dengan realiti masyarakat semasa, lebih mendatangkan kemaslahatan kepada kehidupan umum umat Islam, lebih hampir kepada kemudahan syariat, lebih utama dalam merealisasikan objektif-objektif syarak yang lima dan lebih utama dalam mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan kepada manusia.

Prinsip-prinsip tersebut berperanan dalam memberi nilai perubahan hukum bagi disesuaikan dengan keadaan semasa. Ini selaras dengan kaedah yang telah dibuat oleh para fuqaha' iaitu "la yunkar taghayyur al-ahkām bitaghayyur al- azmān" yang bermaksud tidak boleh disangkal perubahan hukum disebabkan berubahnya masa. Apa yang dimaksudkan dengan perubahan hukum yang tidak boleh dibantah ialah hukum- hukum yang diasaskan kepada 'urf dan adat setempat (Al-Zarqa, 1996). Begitu juga dengan hukum- hukum yang berasaskan kepada al-maslahah dan al-qiyas (Al-Zuhaili, 1997).

Adapun hukum-hukum yang menjadi perkara asas dalam agama atau yang bersifat qat'i seperti pengharaman perkara-perkara yang haram, konsep reda-meredai dalam akad, gantirugi kepada kemudabatan yang berlaku kepada harta orang lain dan yang seumpamanya tidak akan menerima perubahan dan pertukaran. Dalam konteks pelaksanaan pula, terdapat beberapa aspek pentarjihan yang boleh dilihat dalam fatwa-fatwa di Malaysia antaranya ialah:

i. Kekuatan Dalil

Tarjih yang mengutamakan dalil yang lebih jelas, kuat, dan autentik merujuk kepada sumber utama, iaitu Al-Quran dan Sunnah. Dalil yang lebih kuat dijadikan asas kepada keputusan sesuatu fatwa. Sebagai contoh keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke-36 yang telah bersidang pada 23-24 Julai 2018 tentang isu-isu hukum yang menjadi khilaf di kalangan masyarakat negeri Perlis seperti bilangan rakaat solat terawih, solat witr, bacaan khusus antara solat terawih, bacaan Basmalah dalam solat, bacaan selepas solat witr, bilangan khutbah hari raya, menadah tangan ketika khutbah, qunut subuh, mengkhususkan bacaan Yasin pada malam jumaat, mengkhususkan ziarah kubur pada hari raya dan hukum juga kenduri arwah (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2019). Dalam menentukan hukum bagi isu-isu yang telah dinyatakan tadi aspek kekuatan dalil telah menjadi keutamaan.

ii. Implikasi Hukum

Fatwa yang dikeluarkan mesti relevan dengan keadaan semasa. Oleh itu, tarjih tidak hanya bergantung kepada kekuatan dalil, tetapi juga mengambil kira implikasi hukum terhadap kehidupan masyarakat. Antara contoh fatwa yang jelas boleh dinilai dari aspek ini ialah fatwa-fatwa berkaitan pencegahan COVID-19.

Sewaktu berlakunya pandemik Covid 19 di Malaysia, Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memutuskan bahawa semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah ditangguhkan bermula 17- 26 Mac 2020. Jawatankuasa masjid dan surau disarankan untuk membuat operasi pembersihan dan penyahkuman sebagai langkah keselamatan mengelakkan jangkitan. Tempoh sepuluh (10) hari berkenaan adalah tertakluk kepada nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, pengurusan jenazah pula hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 yang telah

bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease: EVD) di Malaysia. Kelonggaran diberikan sekiranya ada kemungkinan wujud kemudahan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah. Jenazah boleh diuruskan melalui prosedur tayammum di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut'. (JAKIM, 2020). Semua fatwa yang telah dikeluarkan tersebut selari dengan perintah kawalan pergerakan (<http://www.moh.gov.my/moh/resources>) yang antara lain intipatinya adalah bertujuan untuk mewujudkan penjarakan sosial bagi memutuskan rantaian pandemik Covid-19 (<https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for>). Selain itu, terdapat beberapa negeri turut mengeluarkan fatwa berkaitan Vaksin Covid 19 seperti Perlis (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2021), Kedah (Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2021) dan Selangor (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2021). Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga bersetuju dan menerima Kertas Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke Sembilan yang bersidang pada 2 November 2020 berkaitan Bilangan Jemaah Solat Jumaat bagi Kawasan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) COVID-19, Jumlah Kehadiran Dalam Majlis Akad Nikah Bagi Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Penangguhan Pelaksanaan Ibadah Umrah Berikutan Penularan COVID-19 (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2020).

Abdul Manan (2020) menjelaskan fatwa sedemikian bertujuan membantu pihak berkuasa dalam menguatkuasakan peraturan bagi mengekang pandemik Covid-19. Sekiranya COVID-19 tidak ditangani dengan berkesan, ia boleh membawa kepada pelbagai implikasi yang serius dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat dan negara seperti krisis kesihatan dengan peningkatan kes jangkitan dan kematian secara drastik yang menyebabkan kekurangan sumber perubatan seperti katil hospital, ventilator, serta ubat-ubatan, krisis ekonomi dengan peningkatan kadar pengangguran dan krisis sosial seperti peningkatan kes keganasan rumah tangga akibat tekanan kewangan dan psikologi dalam kalangan keluarga bahkan masalah kesihatan mental akan menjadi lebih kritikal dalam kalangan masyarakat.

iii. Keperluan Umum (Maslahah 'Ammah)

Salah satu prinsip penting dalam tarjih adalah mempertimbangkan masalah atau kebaikan umum. Pandangan yang memberi manfaat terbesar kepada masyarakat biasanya dipilih, terutamanya dalam keadaan yang tidak ada satu pandangan yang jelas daripada al-Quran atau al-Sunnah. Antara fatwa yang boleh dilihat dari sudut ini ialah,

1. Pelaburan Perbadanan Nasional Berhad Dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)
Pada 15 Mei 2017, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah memutuskan bahawa hukum pelaburan Perbadanan Nasional Berhad dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah harus. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-3/2017 yang bersidang pada 27 April 2017 bersamaan 30 Rejab 1438H telah memutuskan bahawa hukum pelaburan Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah harus. Keputusan ini selari dengan keputusan yang telah dibuat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang bersidang kali ke-80 pada 1-3 Februari 2008.

Melalui keputusan ini, beberapa keterangan yang boleh diambil perhatian antaranya:

a. Hifz al-mal merupakan salah satu masalah daruriyyah yang perlu diberi perhatian serius oleh pemerintah. Soal kekukuhan ekonomi umat adalah merupakan salah satu faktor penting kepada

penerusan kemajuan umat Islam. Islam menegah umatnya menjerumuskan diri dalam kemudharatan dan kefakiran yang boleh menggugat kekuatan ummah.

b. Setiap hukum yang diputuskan perlu memenuhi tuntutan keadilan, masalah dan menghindar daripada kerosakan dan keruntuhan yang lebih besar. Dalam hal ini, Maybank ialah satu institusi perbankan Islam terbesar di Asia Pasifik. Sekiranya PNB melepaskan pegangan dalam Maybank, maka akan menyebabkan keruntuh ekonomi pemegang saham yang majoriti adalah orang Melayu Islam, bahkan ia juga akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi negara dan banyak organisasi berkaitan orang Islam. Begitu juga peluang pekerjaan yang melibatkan 16,531 kakitangan Bumiputera Islam juga akan turut terjejas.

c. Dalam isu pelaburan yang bercampur antara halal dan haram, telah jelas bahawa PNB tidak melabur dalam sektor yang berkaitan dengan arak dan judi. Percampuran hanya berlaku dalam sektor kewangan di mana 70% pelaburan menepati syariah, hanya 30% sahaja pelaburan dalam Maybank yang dianggap masih tidak bertepatan dengan syariah. Dalam keadaan ini, pelaburan dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Menurut sebahagian besar fuqaha iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali, pendekatan untuk mengharuskan masyarakat Islam melabur dalam saham syarikat yang bercampur aktiviti halal dan haram adalah berasas. Ini kerana fuqaha muktabar tidak mengharamkan syarikat sedemikian ketika menilai status syarikat yang dikongsi oleh orang Islam dan bukan Islam.

d. PNB telah melaksanakan perubahan yang terbaik khususnya dalam aspek pelaburan bagi membolehkan penguasaan umat Islam. Dalam hal ini, masalah umat Islam adalah penting dan kemudharatan yang lebih besar perlu dielakkan (Robbi AAM et.al, 2019).

2. Istibdal Harta Wakaf.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-4 yang bersidang pada 13 April 1982 telah membuat keputusan bahawa Wakaf ganti (wakaf ibdal) ialah bermaksud menukar mawquf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan mawquf adalah diharuskan mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah. MJFK kali ke-80 yang diadakan pada 1-3 Februari 2008 bertempat di Terengganu telah membincangkan tentang hukum membangunkan Tanah Wakaf Khas dengan membangunkan selain daripada niat asal pewakaf telah memutuskan bahawa membangunkan tanah Wakaf Khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam, dengan syarat pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam (JAKIM 2009: 86). Selain itu, Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat kali ke-35 yang berlangsung pada 19 November 1993 telah bersetuju mengharuskan wakaf istibdal iaitu memindahkan tanah wakaf dari satu tempat ke tempat lain yang lebih bermanfaat tetapi perlu mencari nilai tanah yang sama atau lebih.

Menurut Hasbullah M, et. al (2019) sekiranya hukum syarak tidak menyediakan alternatif lain dalam menangani masalah pengambilan tanah yang melibatkan tanah wakaf, sedangkan pada masa yang sama hukum mengharuskan pihak berkuasa mengambil tanah tersebut untuk kepentingan umum, sudah pasti berlakunya pertentangan dan pencabulan antara hukum pengambilan tanah wakaf dengan prinsip utama dalam undang-undang pewakafan harta dalam Islam iaitu prinsip kekekalan dan kelangsungan aset wakaf. Konsep ini juga adalah selaras dengan prinsip bahawa harta wakaf tidak boleh dijual, tidak boleh dihibah kepada orang lain

dan tidak boleh diwarisi. Afiffudin & Ridzuan (2013) dalam kajian mereka berkaitan pelaksanaan Istibdal wakaf di negeri Kedah Darul Aman menegaskan bahawa pelaksanaan Istibdal hasil wakaf diperolehi dengan lebih banyak dan menguntungkan. Dari sudut pembangunan dengan terbinaanya lapangan terbang, empangan air, landasan kereta api dan menaiktaraf jalan raya telah menyebabkan masyarakat memperolehi banyak manfaat dan kemudahan dalam kehidupan seharian.

iv. Memudahkan (Al-Taisir)

Tarjih juga mengambil kira prinsip mengelakkan kesusahan (al-Mashaqqah) dalam kehidupan umat Islam. Dalam beberapa kes, pandangan yang lebih memudahkan atau ringan akan dipilih jika ia tidak melanggar prinsip asas syariah. Aspek ini boleh dilihat dalam fatwa berikut,

1. Menjamakkan Solat Tanpa Qasar Kepada Mangsa Banjir

Pada 20-21 Oktober, 2017, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah memutuskan bahawa masyarakat Islam diharuskan untuk menjamakkan solat tanpa qasar kepada mangsa banjir. Oleh itu, masyarakat Islam dibolehkan untuk solat Zohor beserta Asar dalam satu waktu, dan solat Maghrib dan Isyak dalam satu waktu.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis juga telah memberikan garis panduan kepada masyarakat untuk menunaikan solat secara berjemaah. Pelaksanaan solat jamak tersebut dilakukan di tempat dilaksanakan solat jemaah bagi kawasan bencana yang terbabit khususnya masjid. Jamak tersebut hendaklah diutamakan dalam waktu yang pertama (jamak taqdim). Ini kerana tujuan keizinan jamak di masjid bagi mengelak mashaqqah mereka yang akan hadir menunaikan solat berjemaah di masjid. Namun jika keadaan mendesak untuk solat jamaah itu dilaksanakan pada waktu yang kedua, maka boleh dilakukan jamak ta'khir (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2019).

Fatwa ini jelas mempertimbangkan keadaan masyarakat yang mengalami kesukaran untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain akibat musibah yang melanda. Ia memberi kemudahan kepada orang ramai yang ingin menunaikan solat berjemaah di masjid untuk menggabungkan solat mereka (jamak).

2. Bayaran Zakat Fitrah Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS)

Pada 29 September 2011, Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah memutuskan perkhidmatan bayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) adalah dibenarkan (Jabatan Mufti Negeri Melaka, 2011).

Perlaksanaan bayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas ini juga telah digunakan oleh pihak Lembaga Zakat Selangor melalui kempen bayaran zakat fitrah dengan kerjasama syarikat telko Digi (Guna SMS Untuk Membayar Zakat, 2011). Perkara ini adalah bagi memudahkan urusan masyarakat Islam untuk melaksanakan tuntutan agama tanpa perlu merujuk kepada kaunter pembayaran zakat.

Tuntasnya, terdapat kaedah al-masyaqqah tajlib al-taisir (kesukaran menyebabkan kemudahan) dalam hukum syarak yang bermaksud bahawa apabila seseorang menghadapi kesukaran atau situasi sukar, syariat Islam memberikan kemudahan dan keringanan dalam melaksanakan sesuatu tuntutan agama. Prinsip ini didasarkan kepada sifat rahmat dan belas kasihan dalam Islam, di mana hukum yang ketat boleh dilonggarkan dalam keadaan tertentu.

Keperluan Tarjih Dalam Fatwa Semasa

Pendekatan tarjih dalam fatwa semasa telah menjadi keperluan pada masa kini. Terdapat beberapa faktor yang mendorong pendekatan tarjih berlaku dengan lebih aktif pada masa kini.

i. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Perubahan-perubahan yang ketara telah berlaku dalam kehidupan baik dari sudut kemasyarakatan, ekonomi, politik, mahupun kebudayaan. Hal ini memaksa para sarjana Islam mengabaikan sebahagian pendapat fuqaha silam yang dianggap tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa yang baru. Dalam keadaan tertentu, para sarjana kontemporari perlu membuat keputusan memilih sebahagian pendapat-pendapat yang tidak pernah dipilih sebelumnya, bahkan boleh jadi ianya tergolong di dalam pendapat yang tidak kuat dan diabaikan pada masa lalu (al-Qaradhawi, 1994). Dalam situasi ini, pendekatan tarjih hendaklah dilakukan dengan mempertimbangkan kekuatan yang dimiliki oleh sesuatu pandangan baru dalam masa yang sama pandangan-pandangan ulama terdahulu tidak diabaikan terus, sebaliknya diteliti dan dinilai semula agar selaras dengan keperluan dan tuntutan semasa.

ii. Perkembangan dalam pencapaian ilmu pengetahuan, terutamanya yang berkait bidang sains dan teknologi. Faktor ini menyebabkan ulamak masa kini memperbetulkan kembali fakta-fakta lampau dalam perkara yang berkaitan dengan alam tabi'i, alam angkasa, kimia, perubatan dan sebagainya. Ilmu-ilmu berkenaan perkara tersebut yang sentiasa berkembang dari masa ke semasa boleh dijadikan sebagai neraca untuk mengetahui fakta yang tepat dan seterusnya memilih pendapat tertentu sebagai pendapat yang lebih rājih. Perkembangan ilmu-ilmu ini, memungkinkan seseorang ulamak masa kini menghukum pendapat-pendapat fiqh tertentu sebagai lemah dan pendapat yang lain lebih tepat dan kuat. Hal sebegini tidak diketahui pada zaman sebelumnya.

iii. Keperluan semasa yang sangat mendesak sehingga memaksa seseorang ulamak mengambil kira situasi semasa, kemudahan dan keringanan dalam hukum-hukum cabang yang berbentuk praktikal, sama ada dalam perkara ibadat mahupun muamalat. Lebih-lebih lagi apabila ianya melibatkan perkara yang menyentuh kepentingan umum. Dalam keadaan demikian, adalah menjadi tuntutan ke atasnya untuk mengambilkira keperluan semasa, keuzuran-keuzuran yang diizinkan oleh syarak dan perkara-perkara yang dikecualikan oleh syarak dalam sesuatu kaedah dan hukum. Kedudukan ini sesuai dengan panduan yang diberi di dalam al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. yang menghendaki kemudahan dan menolak kerumitan ke atas umat Islam.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah 2:185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: *“Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”.*

Sabda Rasulullah SAW,

إِنَّ هَذَا الدِّينَ يَسْرٌ، وَلَنْ يَشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلِبَهُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya agama ini mudah, dan tidaklah seseorang yang memberat-beratkan (melampaui batas) dalam agama melainkan dia akan kalah (tidak mampu melaksanakannya)”*. (HR al-Bukhari, No. Hadis 39).

Pengambilkiraan terhadap faktor-faktor yang disebutkan tadi telah menyebabkan kesukaran bagi seseorang ulamak masa kini untuk terus berpegang dengan satu mazhab tertentu sahaja. Oleh itu, dikira satu keperluan bagi melakukan satu pemerhatian yang teliti terhadap pandangan semua mazhab dan pendapat fiqh yang ada. Ini bagi membolehkan pendapat yang dipilih itu merupakan pendapat yang paling sesuai dengan situasi semasa bagi merealisasikan kebaikan dalam kehidupan umat Islam serta menolak keburukan daripada mereka sekaligus menolak tuduhan- tuduhan yang tidak berasas terhadap agama Islam (Al-Qaradhawi, 1994).

Menurut al-Susawh (t.t) bagi menghasilkan suatu pendekatan tarjih yang lebih tepat, proses ini seharusnya dilaksanakan melalui al-ijtihad al-jama'i (ijtihad secara kolektif). Hal ini kerana dibimbangi jika dilakukan secara individu, ia boleh membawa kepada kesilapan dalam mentarjihkan sesuatu pendapat. Hal ini boleh berlaku akibat daripada kecenderungan seseorang kepada mazhab tertentu atau mempunyai pandangan yang sempit terhadap sesuatu persoalan. Perkara ini jika berlaku bukan sahaja akan memberi kesan yang buruk kepada fuqaha itu sendiri bahkan kepada orang ramai. Oleh itu melalui al-ijtihad al-jama'i, pendapat-pendapat fuqaha' silam serta dalil-dalil mereka akan menjadi lebih banyak terkumpul yang menyebabkan pentarjihan boleh dilakukan dengan lebih teliti dan tepat. Aplikasi bagi perkara ini sebenarnya boleh dilihat melalui prosedur pengeluaran fatwa semasa sedia ada dimana sesuatu fatwa akan dikeluarkan melalui perbincangan di kalangan ahli jawatankuasa fatwa atau majlis fatwa atau persidangan-persidangan setempat dan atarabangsa yang menghimpunkan para cendekiawan Islam.

Hubungan Tarjih Dan Maqasid Syariah

Penyelidikan fatwa memiliki objektif yang berkait rapat dengan objektif syariah (maqasid al-syariah) itu sendiri. Dalam menghadapi pelbagai isu dan persoalan baharu yang muncul akibat perubahan gaya hidup serta perkembangan pesat dalam sains dan teknologi, masyarakat kini memerlukan panduan yang selaras dengan prinsip syariah. Untuk menangani cabaran kehidupan umat manusia pada era milenium baharu ini, institusi fatwa harus melaksanakan istinbat hukum melalui penyelidikan yang berpandukan maqasid al-syariah secara sistematik dan berkesan. Dengan asas tersebut, fuqaha atau penyelidik syariah berusaha menjalankan penyelidikan fatwa secara efisien dan efektif. Mereka berijtihad dalam memahami nas-nas al-Quran dan sunah serta mencari pendekatan kaedah umum yang boleh diaplikasikan pada kes-kes khusus. Justeru, kerangka utama yang menjadi pemangkin keberkesanan penyelidikan fatwa ialah pemahaman fuqaha terhadap nas-nas dan realiti semasa.

Petarjihan fatwa adalah dianggap sangat bernilai kerana ia mempertimbangkan pelbagai bidang keilmuan, bukan hanya agama tetapi juga sains dan teknologi. Selain itu, nilai intelektual seperti psikologi, sejarah, politik, serta realiti sosial dan budaya masyarakat juga diambil kira. Ini penting bagi memastikan hukum fatwa berasaskan pandangan dan perspektif semasa. Di era kemajuan sains dan teknologi yang pesat (Hairudin Harun, 2004), hampir semua aspek kehidupan moden memerlukan evolusi untuk kekal relevan, termasuk institusi fatwa. Institusi ini perlu menjalani revolusi dan reformasi dalam sistem penyelidikannya demi memastikan kredibiliti dan autoritinya tetap terjamin. Fatwa memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah agama semasa yang dihadapi oleh ummah, terutama bagi isu-isu baharu yang tidak dinyatakan secara muktamad dalam al-Quran atau al-Sunnah. Fatwa juga berfungsi

menyatukan pemikiran, kefahaman, dan tindakan umat Islam serta membantu masyarakat tetap pada jalan syariat.

Menurut al-Qaradhawi (1990), perubahan pemikiran Islam melalui teori tarjih tidak dapat dipisahkan dari kemajuan ilmu moden, khususnya dalam biologi dan ilmu alam. Sebagai contoh, dalam isu penyusuan (al-rada'ah), beliau menjelaskan bahawa larangan hubungan penyusuan dalam al-Quran terhad kepada penyusuan melalui puting wanita yang disedut bayi, bukan cara lain. Berdasarkan ini, beliau membenarkan Bank Susu jika diperlukan oleh masyarakat (al-Qaradhawi, 1993). Al-Qaradhawi (2002) juga menetapkan syarat mujtahid untuk memahami objektif syariah dan mengenali manusia serta persekitarannya agar ijtihad berasaskan realiti individu dan masyarakat dapat dilaksanakan. Usaha ini disebut sebagai ijtihad intiqā'i, di mana tiga faktor penting ialah perubahan sosial-politik, perkembangan ilmu moden, dan keperluan zaman.

Fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Kuwait pada 29 September 1984 tentang pengguguran kandungan turut mengambil pendekatan moden melalui ijtihad insya'i, yang memanfaatkan kemajuan perubatan moden (al-Qaradhawi, 2002). Dalam isu pengklonan manusia, al-Qaradhawi (2003) menegaskan ia adalah isu baharu yang memerlukan kajian khusus tanpa qiyas atau perbincangan ulama terdahulu. Islam menyokong kajian sains, tetapi ia mesti selaras dengan nilai agama dan akhlak, sementara pengklonan manusia dilarang kerana ia merosakkan variasi manusia dan mengganggu fitrah perkahwinan dan berpasangan. Selain itu, pelbagai isu hukum baharu muncul seiring perkembangan sains dan teknologi, menuntut perubahan hukum Islam agar lebih tepat dan berkesan. Fatwa kontemporari dalam munakahat melibatkan sains dan teknologi, antaranya (JAKIM, 2013) Hukum Menggunakan DNA untuk Menentukan Status Nasab Anak, Akad Nikah Melalui Sidang Video (Video Conference), Pewajiban Ujian Saringan HIV untuk Bakal Pengantin, Penceraian Melalui SMS, Pencantuman Benih untuk Mendapatkan Zuriat dan sebagainya.

Jelasnya, institusi fatwa disarankan untuk memperincikan langkah bagi melaksanakan pentarjihan fatwa kontemporari dalam kerangka maqasid al-syariah, termasuk keperluan kepada ijtihad kontemporari yang komprehensif. Dalam istinbat fatwa, ketelitian diperlukan untuk menetapkan garis panduan yang memenuhi isu-isu masyarakat yang semakin kompleks. Metodologi fatwa pula perlu menggabungkan konsep maqasid al-syariah dengan realiti masyarakat masa kini.

Kesimpulan

Pendekatan tarjih adalah sebahagian daripada bentuk ijtihad dalam penentuan hukum Syarak. Secara umumnya, hukum yang menjadi khilaf di antara mazhab-mazhab fiqh lebih banyak berbanding hukum yang disepakati. Oleh demikian, pendekatan tarjih menjadi keperluan untuk dilaksanakan oleh pihak berautoriti dalam bidang kefatwaan. Hal ini akan memberikan keluasan terhadap pengeluaran fatwa dalam membuat penilaian, perbandingan seterusnya menerima pakai pandangan hukum dari mazhab yang pelbagai yang dilihat lebih hampir kepada realiti masyarakat semasa, lebih mendatangkan kemaslahatan kepada kehidupan umum umat Islam, lebih memmanifestasikan kemudahan syariat, merealisasikan objektif-objektif syarak yang lima dan lebih utama dalam mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan kepada manusia. Ia juga dapat memastikan tuntutan keperluan semasa yang sentiasa berubah-ubah dalam masyarakat dapat dipenuhi sebaik mungkin dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syarak. Oleh sebab itu, pengeluaran fatwa perlu bersifat fleksibel dan tidak hanya terikat dengan pandangan mazhab tertentu tanpa melihat keluasan khazanah ilmu Islam secara menyeluruh

untuk diadaptasi sesuai dengan perubahan massa. Selain itu, perbezaan dalam pemilihan aspek pentarjihan akan membawa kepada perbezaan fatwa- fatwa dalam sesuatu isu bahkan mempengaruhi perubahan sesuatu fatwa sedia ada. Oleh itu, penentuan aspek pentarjihan yang lebih kuat dan sesuai dalam pengeluaran sesuatu fatwa semasa adalah penting bagi memastikan ketepatan hukum yang akan dikeluarkan. Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan nilai tambah kepada kualiti penyelidikan Islam dan juga sebagai sumber rujukan bagi para pengkaji lain untuk melaksanakan kajian lanjutan yang berkaitan seterusnya membantu pihak pemegang taruh dari aspek pelaksanaan dan penambah baikan sistem sedia ada.

Rujukan

- Abu Bakar, Marina and Abdul Rahim, Ahmad Khilmy and Ismail, Che Zuina (2021) *The Application Of Maslahah In Islamic Finance And Banking Products & Fatwa Resolutions In Malaysia*. Journal of Contemporary Issues in Business and Government, 27 (1). pp. 2793-2810. ISSN 1323-6903
- Ahmad, A. M., Mohamad, N., & Subri, I. M. (2019). Pendekatan Maslahah dalam Pemfatwaan di Malaysia: Kajian terhadap Fatwa Terpilih. *Journal of Fatwa Management and Research*, 15(1). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Armawi, Sirāj al-Dīn Mahmud Bin Abi Bakr. (1994). *al-Haṣil Min al-Maḥṣul Fi Usul al-Fiqh*. Jāmi'ah Qaryūnis.
- Al-Baidhāwī, Qadhī al-Qudhāt Abdullah Bin Umar. (2006). *Minhāj al-Wuṣūl Fi 'Ilm al-Uṣūl*. Maktabah al-Risālah.
- Al-Bukhari, M. bin I. (n.d.). *Sohih al-Bukhari*. al-Sultoniyah.
- Al-Fārabi, Ismail Bin Hammad. (1987). *Al-Sihhah Tāj al-Lughah*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al Malāyīn.
- Al-Hafnawi, M. I. M. (1987). *al-Ta'arudh wa al-Tarjih 'inda al-Usuliyin wa Atharahuma fi al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Wafa'.
- Alias, M. N., Lubis, M. A., Kamis, M. S., Samsudin, M. A., Omar, A. F., & Mokhtar, A. I. (2018). Maqasid Syariah sebagai Sandaran Hukum Menurut Mazhab Syafie. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(1), 48-58.
- Al-Isnāwī, Abdurrahīm Bin al-Hasan Bin Ali. (1999). *Nihāyat al-Sūl Syarh Minhāj al-Wuṣūl*. Beirut: Dar al-Kutūb al-'Ilmiyyah.
- Al-Jābardī, Fakhr al-Dīn Ahmad Bin al-Hasan. (t.t). *Al-Sirāj al-Wahhāb Fi Syarh al-Minhāj*. Fatih: Makhtūtāt Turkiyyah.
- Al-Nawawī, Abu Zakariya Yahya Bin Syaraf al-Nawawī. (1988). *Adab al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*. Cet. pertama. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradhawī, Yusof. (1993). *Min hady al-Islam Fatawa Mu'asirah*. Juzuk 2. Cetak ke-2. t.tp.: Daral Wafa'.
- Al-Qaradhawī, Yusof. (2002). *Ijtihad Dalam Syariat Islam: Beberapa Analitis Tentang Ijtihad Semasa*. Terj. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd
- Al-Qaradhawī, Yūsuf Bin Muhammad. (1994). *Al-Ijtihād al-Mu'asir Baina al-Indhibāt Wa al-Infirāt*. Kaherah: Dar al-Tibā'at Wa al-Nasyr.
- Al-Qaradhawī, Yusuf. (1990). *Madkhal li dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarafi Syihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Idris al-Shanhaji, 2001. *al-Furuq*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muhammad Bin Umar. (1997). *Al-Maḥṣul*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Sarkhasi, Muhammad Bin Ahmad. (t.t). *Uṣūl al-Sarkhasi*. Kuwait: Dar al-Ma'rifat.

- Al-Shaukāni, Muhammad Bin Ali. (1999). *Irsyād al-Fuhūl*. Kaherah: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Al-Subki, Tāj al-Dīn Abdul Wahhab. (2003). *Jam al-Jawāmi’ Fi ‘Ilm al-Usūl*. Dar al-Kutub al ‘Ilmiyyah.
- Al-Susawh, Abd al-Mājīd. (t.t). *Al-Ijtihād al-Jamā’i Fi al-Tasyri’ al-Islāmi*. <https://www.islamweb.net/ar/library/content/1562/2116/>, diakses pada 11 September 2024.
- Al-Zabidi, Muhammad Murtadha. (2001). *Taj al-‘Urus Min Jauhar al-Qāmūs*. Kuwait: Dar al Hidāyat.
- Al-Zarqa’, Ahmad Bin Muhammad. (1996). *Syarh al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah Bin Mustafa. (1997). *Al-Ijtihad al-Fiqhi al-Hadithi*. Damsyiq: Dar al Maktabi.
- Al-Zuhayli, Wahbah Bin Mustafa. (2006). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh al-Islami* (Vol. 2). Syria: Dar al-Khair.
- Faisal Husen Ismail. (2011). Penggunaan Fiqh Al-Maslahah Wa Al-Maqasid Dalam Fatwa-Fatwa Terpilih Negeri Perlis Dari Tahun 1998-2008. USM.
- Hairudin Harun. (2004). *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP
- Hasbullah, M., Yusoff, S. H., & Zakaria, M. Z. (2019). Istibdal Harta Wakaf: Kajian Ringkas terhadap Peranan dalam Mengembangkan Produk Wakaf. *Journal of Fatwa Management and Research*, 16(2). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibn Hamdan, Ahmad bin Hamdan al-Harraniy al-Hanbaliy. (1397H). *Sifat al-Fatwa wa al Mufti wa al-Mustafti*. Cet. ke-3. Beirut: Al-Maktab al-Islamiyy.
- Ibn Majah, M. bin Y. (2009). *Sunan Ibn Majah* (S. al-A. Al-Arnauth, ‘Adil, M. Kamil, & ‘Abd Al-Latif (eds.)). Dar al-Risalah al-Ilmiah.
- Ibn Manzur, Muhammad Bin Makram. (1414H). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2019). *I’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ismail, A. (2023). Prinsip Keanjalan Fatwa Menurut Perspektif Syarak. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(3), 159-171. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no3.558>
- Ismail, A. M. (2020). Fatwa sebagai Mekanisme Pencegahan Penularan Pandemi COVID-19. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Kenyataan media*. <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan%20media/2373>
- Jabatan Mufti Negeri Kedah. (2021). *Fatwa mengenai suntikan vaksin COVID-19 (Siri 3)*. <https://ifatwa.kedah.gov.my/wp-content/uploads/2022/08/26-FATWA-MENGENAI-SUNTIKAN-VAKSIN-COVID-19-SIRI-3.pdf>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2019). *Fatwa negeri Perlis tentang isu-isu hukum yang menjadi khilaf di kalangan masyarakat negeri Perlis*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/90-fatwa-negeri-perlis-tentang-isu-isu-hukum-yang-menjadi-khilaf-di-kalangan-masyarakat-negeri-perlis>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2021a). *Jamak solat di masjid kerana bencana alam*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/135-jamak-solat-di-masjid-kerana-bencana-alam>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2021b). *Fatwa vaksin COVID-19*. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/456-fatwa-vaksin-covid-19>
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2020). *Pandangan hukum syarak berkaitan solat jemaah dan Jumaat, majlis akad nikah dan ibadah umrah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) COVID-19*. <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/27/pandangan-hukum-syarak-berkaitan->

- solat-jemaah-dan-jumaat-majlis-akad-nikah-dan-ibadah-umrah-dalam-tempoh-perintah-kawalan-pergerakan-bersyarat-pkpb-covid-19/
Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2021). *Fatwa hukum penggunaan vaksin COVID-19*.
<https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-hukum-penggunaan-vaksin-covid-19/>
- Khairuldin, W. (2018). Kriteria penyelidik Muslim berasaskan kriteria kelayakan mufti. *Majallah Idarah wa Buhuth al-Fatawa*, 5(1), 2753.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol5no1.83>
- Mazuki, S. A., Abdullah, M. S., & Mustafa, M. F. . (2024). Penentuan Al-Awlawiyyāt Maṣlahah dan Mafsadah dalam Fatwa Perubatan Di Malaysia: (Determination of Al-Awlawiyyāt Mashlahah and Mafsadah in Medical Fatwa in Malaysia). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 11(1), 113–130. <https://doi.org/10.22452/ris.vol11no1.7>
- Mohamad, M. and Mamat, Z. (2018). Penerimaan dan penyelarasan fatwa muzakarah jawatankuasa fatwa majlis kebangsaan bagi hal ehwal ugama islam malaysia oleh negeri-negeri. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 33-66.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol4no1.93>
- Mohammed Noor, A., & Awang, M. R. (2013). Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat*, 35(1), 49–56.
- Mohd, M. H. S., Wan Chik, W. M. Y., Ibrahim, B., & Md Ali, A. W. (2021). Khilaf Fiqhi Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal. *KQT EJurnal*, 1(2), 1-12. <https://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/25>
- Muslim, M. B. al-H. (1955). *Sohih Muslim* (F. 'Abd Al-Baqi (ed.)). Maktabah wa Matba'ah Mustofa al-Babi al-Halabi wa Auladihi.
- Nor Musfirah Mohamad, Basri Ibrahim, & Fathullah Asni. (2025). Analisis Maqāṣid Syarī'ah Terhadap Penentuan Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Pemakanan Di Malaysia. *Jamalullail Journal*, 4(1), 21–36. Retrieved from <https://journaljamalullail.kuips.edu.my/index.php/journal/article/view/174>
- Rahman, N., Ali, A., & Ahmad, R. (2018). Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa- Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 7(1), 7-35.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol7no1.57>
- Ramle, M. Z., Ramli, M. A., Mohd Razif, N. F., & Rosidi, M. H. (2025). Pengurusan Fatwa Dalam Krisis Di Malaysia: Strategi Dan Cabaran Semasa Pandemik Covid-19. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(3), 172-195. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no3.720>
- Rosele, M. I., & Abdul Rahman, N. N. (2019). Konsep dan Pendekatan Wasatiyah dalam Pengeluaran Fatwa: Satu Kajian Awal: The Concept and Approach of Wasatiyyah in Issuing Fatwa: A Preliminary Study. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6(3), 27–35. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/21182>
- Saifuddin, S., Mat Salleh, M. K., Ali Tajuddin, H. H., & Yahya, M. A. (2023). Kepentingan Pewartaan Fatwa Dalam Penguatkuasaan Undang- Undang Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis. *International Virtual Conference On Islamic Studies, Education, Social Sciences And Law (Ico-Sol3-2023)*
- Salleh, M., Samuri, M., & Kashim, M. (2016). The Position Of Fatwa And Mufti Opinion As Authority In Malaysian Sharia Court. *Journal of Contemporary Islamic Law*.
- Shah, M. and Pauzi, N. (2018). Metodologi pengeluaran fatwa di jawatankuasa fatwa negeri johor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 70-88.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.132>

- Shah, M. and Rahman, N. (2018). Kepentingan kaedah penyelidikan moden dalam fatwa semasa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 67-90. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol4no1.95>
- Yunos, A. S., & Zamri, M. F. N. (2023). Aplikasi Qa'idah al-Maqasid “al-Tarjih Baina al Masalih” dalam Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan: Analisis terhadap Isu Perubatan. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 6(1).
- Yusof, A. and Wook, I. (2018). Fatwa: kedudukannya di mahkamah sivil. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 24-38. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.37>